

JABATAN SAINS KOMPUTER

DAN MATEMATIK

UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

Buletin JSKM



Keluaran 2, Edisi 2017



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Madya Dr. Mohd Fozi Ali

Penasihat

Pn. Muniroh Hamat

Editor

Pn. Siti Asmah Mohamed

Ahli Editorial

Pn. Fadzilawani Astifar Alias

Cik Nur Azimah Idris

En. Mohd Syafiq Abd. Rahman

Pn. Naemah Abd. Wahab

Pn. Norshuhada Shamsudin

Kandungan

Dari Meja Editor

Seulas Bicara dari Koordinator JSKM

Pencapaian dan Penganugerahan JSKM:-

- Penyelidikan
- Perundingan
- Inovasi
- Penerbitan

Aktiviti Tahunan Jabatan 2017

Kalender Aktiviti Jabatan 2018

Dari Meja EDITOR

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya Buletin JSKM keluaran 2, edisi 2017 dapat diterbitkan. Terbitan kali ini memaparkan imbasan aktiviti-aktiviti yang disertai dan dianjurkan oleh warga JSKM.

Ini termasuklah informasi mengenai pencapaian dan kecemerlangan dalam aspek penyelidikan, aktiviti khidmat masyarakat, program akademik dan banyak lagi. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin JSKM dan kerjasama yang diberikan. Terima kasih juga kepada Puan Muniroh Hamat, Koordinator JSKM atas sokongan beliau dalam penerbitan keluaran 2 edisi 2017 ini. Diharapkan buletin ini akan menjadi platform untuk warga JSKM berkongsi pengalaman, idea, dan kepakaran untuk kecemerlangan JSKM.

Sekian, terima kasih.



Seulas Bicara..... dari KOORDINATOR JSKM

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin JSKM Keluaran 2, 2017 kerana berjaya menerbitkan buat kali keduanya buletin ini. Usaha murni ini merupakan satu saluran kepada para pensyarah untuk menghasilkan penulisan ilmiah dan kajian mereka. Peluang seperti ini bukan sahaja dapat memperkembangkan profesionalisme, malah menghasilkan pensyarah yang mampu memberi sumbangan dalam bidang penulisan terutama aktiviti JSKM, hasil kajian, analisa dan inovasi untuk dikongsi bersama staf JSKM. Akhir kata, saya

ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak

yang telah menjayakan Buletin JSKM Keluaran 2, 2017.

Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya di kalangan pensyarah di UiTMPP amnya dan di JSKM khususnya.



Pencapaian Dan Penganugerahan JSKM

Penyelidikan

Perundingan

Inovasi

Penerbitan

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Projek	Profiling the Expectation, Preferences, Experience and Satisfaction of Tourist in Malaysia's Shopping Landscape	Penyelidikan
Ahli	Dian Aszyanti Atirah Mohd Asri, Azila Azmi (Dr), Norliza Aminudin (Dr), Dahlan Abdullah, Ahmad Zia UI-Saufie Mohamad Japeri (Dr)	
Geran	FRGS	
Peruntukan	RM43,500	
Tajuk Projek	A Study On Effective Learning Of Novice Programmer Engineering Students at UiTM Cawangan Pulau Pinang	Penyelidikan
Ahli	Azlina Mohd Mydin, Syarifah Adilah Mohamed Yusoff, Wan Anisha Wan Mohammad	
Geran	ARAS	
Peruntukan	RM10000.00	
Tarikh Projek	1 Sept 2016 - 30 August 2018	
Tajuk Projek	Generating a Learning Method Based on Analysis of Students Error in Engineering Calculus	Penyelidikan
Ahli	Maisurah Shamsuddin, Ahmad Zia UI-Saufie Mohamad Japeri (Dr), Faridah Hussin, Siti Balqis Mahlan, Fadzilawani Astifar Alias	
Geran	ARAS	
Peruntukan	RM10000.00	
Tarikh Projek	1 Julai 2016 - 30 Jun 2018	

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Projek	Employability Issues : Facing the Challenges of the Industry Requirements – Strategies and Techniques for an Employability Enhancement at the Entry Level	Penyelidikan
Ahli	Shaira Ismail, Dr Rushita Ismail, Farina Nozakiah Tazian, Mohd Saifulnizam Abu Bakar	
Geran	ARAS	
Peruntukan	RM10000.00	
Tarikh Projek	1 Julai 2016 - 30 Jun 2018	
Tajuk Projek	Approaches To Reduce Absenteeism Among UiTM Cawangan Pulau Pinang Students in Calclus Classes	Penyelidikan
Ahli	Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (Dr), Siti Asmah Mohamed, Nur Hafizah Ahmad, Hasfazilah Ahmad, Mohd Fahmi Zahari	
Geran	ARAS	
Peruntukan	RM10000.00	
Tarikh Projek	1 Julai 2016 - 30 Jun 2018	
Tajuk Projek	Perunding bagi Sistem Pengurusan Peperiksaan (SPP) 2017	Perundingan
Ahli	Jamal Othman	
Tajaan	Perundingan di bayar oleh UiTM Melaka, Perlis, Bertam, Pasir Gudang dan Seremban 3	
Peruntukan	RM12,500	
Tarikh Projek	1 Jan 2017 - 31 Dis 2017	

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Produk	Wiz Imaths	Inovasi
Ahli	Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly, Norshuhada Samsudin, Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Nur Azimah Idris, Noor Azizah Mazeni	
Penganjur	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah	
Pertandingan Anugerah	iCompex'17 Silver Medal	
Tajuk Produk	eZakat UiTMPP: Convenient Service and Better Zakat Distribution Management System	Inovasi
Ahli	Muhammad Che Saad, Saiful Nizam Warris, Naemah Abdul Wahab, Jamal Othman, Mohd Hisyam Mohd Radz	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Gold Medal	
Tajuk Produk	COREs - An Online Conference Registration System	Inovasi
Ahli	Saiful Nizam Warris, Naemah Abdul Wahab, Rasaya Marimuthu, Jamal Othman, Siti Balqis Mahlan	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Bronze Medal	

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Produk	LAASST: Assisting And Measuring Students' Performance	Inovasi
Ahli	Siti Nurleena Abu Mansor, Mahanim Omar, Azlina Mohd Mydin, Wan Anisha Wan Mohammad, Siti Mariam Saad	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Gold Medal	
Tajuk Produk	Miracle Sensor Pack	Inovasi
Ahli	Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Wan Nur Syaziayani Wan Mohd Rosly, Norshuhada Samsudin, Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri, Siti Nurleena Abu Mansor	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Bronze Medal	
Tajuk Produk	Development Of Differential Evolution Algorithms As Feature Selection For Biomarker Discovery On Mass Spectrometry Data	Inovasi
Ahli	Syarifah Adilah Mohamed Yusoff (Dr), Farah Hayati Mustafa, Siti Meriam Zahari, Mohd Hanapiah Abdullah (Dr), Nurfahiratul Azlina Ahmad	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Gold Medal	

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Produk	Biskut Antioksidan	Inovasi
Ahli	Nurfahiratul Azlina Ahmad, Halipah Hamzah (Dr), Rofiza Aboo Bakar (Dr), Syarifah Adilah Mohamed Yusoff (Dr)	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Bronze Medal	
Tajuk Produk	Food Ingredients Calculator	Inovasi
Ahli	Mohd Saifulnizam Abu Bakar, Mohamad Azli Razali, Khairul Hidayat Rezo, Noraziah Mohd Amin, Syarifah Adilah Mohamed Yusoff (Dr)	
Penganjur	UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan iRAGS, iRMI UiTM Shah Alam	
Pertandingan Anugerah	PIID 2017 Bronze Medal	
Tajuk Produk	MAGIC DIAMOND MODEL: Memorizing the Derivative of Trigonometric Function	Inovasi
Ahli	Siti Asmah Mohamed, Fadzilawani Astifar Alias, Maisurah Shamsuddin, Faridah Hussin, Muniroh Hamat, Mohd Syafiq Abdul Rahman	
Penganjur	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kulim Hitech Park, Kedah	
Pertandingan Anugerah	i-EIE 2017 Bronze Medal	

MAKLUMAT		KATEGORI
Tajuk Produk	The Utilization of LIGHTQ System for Illumination Level Monitoring in UiTM Pulau Pinang	Inovasi
Ahli	Adhilla Ainun Musir, Nor Hafizah Hanis Abdullah, Nurulzatushima Abdul Karim, Siti Rahimah Rosseli, Azlina Mohd Mydin, Nor Hafida Hashim, Wan Anisha Wan Mohammad	
Penganjur	UiTM Arau, Perlis Shah Alam	
Pertandingan	MIT SIC 2017	
Anugerah	Silver Medal	
Tajuk Produk	Ketingting Think: Innovation of a Traditional Game	Inovasi
Ahli	Siti Nurleena Abu Mansor, Mahanim Omar, Siti Mariam Saad	
Penganjur	UiTM Arau, Perlis Shah Alam	
Pertandingan	MIT SIC 2017	
Anugerah	Gold Medal	

JENIS PENULISAN	BILANGAN PENERBITAN
Buku	2
Bab dalam buku	1
Jurnal	19
Prosiding	10
Penerbitan Umum	4
JUMLAH PENERBITAN	36

Aktiviti Tahunan JSKM 2017

Program Khidmat Masyarakat

Program Akademik

Program Aktiviti Riadah Staf

Program Pembangunan & Kepimpinan Staf

Program Khidmat Masyarakat JSKM

Fadzilawani Astifar Alias



'CERAMAH KERJAYA' DAN 'BENKEL GENIUS MATEMATIK' DI MADRASAH AL-AMINIAH, PERMATANG NIBONG, PULAU PINANG

24 Febuari 2017, satu Program 'Ceramah Kerjaya' dan 'Bengkel Genius Matematik' di Madrasah Al-Aminiah, Permatang Nibong, Pulau Pinang anjuran JSKM telah diadakan. Program yang diketuai oleh Puan Fadzilawani Astifar Alias ini bertujuan meningkatkan kesedaran akan tanggungjawab sosial di samping mengukuhkan hubungan ukhuwah bersama sekolah. Selain itu, program ini juga adalah untuk menarik minat pelajar-pelajar sekolah tentang keunikan matematik dan mendedahkan pelajar tentang bidang kerjaya pada masa hadapan. JSKM turut mempromosikan program yang ditawarkan di UiTM kepada pelajar-pelajar sekolah. Program ini melibatkan pelajar dari Tingkatan 3, 4 dan 5. Turut diadakan juga pertandingan permainan dalam menyelesaikan masalah di dalam kumpulan. Program ini tamat pada jam 12.00 tengahari.

TENAGA PENGAJAR DI MADRASAH AL-AMINIAH, PERMATANG NIBONG, PULAU PINANG

Bermula Mac 2017 hingga Julai 2017, seramai 12 sukarelawan yang terdiri dari pensyarah Jabatan Sains Komputer dan Matematik telah menjadi tenaga pengajar di Madrasah Al-Aminiah, Permatang Nibong, Pulau Pinang. Pelajar-pelajar dari Tahun 5 dan 6, Tingkatan 1, 2 dan 4 telah terlibat. Semua pensyarah yang terlibat mengajar subjek Matematik dan Matematik Tambahan untuk pelajar Tingkatan 4. Disamping memberi ilmu kepada pelajar sekolah ianya juga merupakan salah satu aktiviti kemasayarakatan.



**PROGRAM KHIDMAT
MASYARAKAT JSKM
BERSAMA RUMAH KANAK-
KANAK TAMAN BAKTI,
KEPALA BATAS, PULAU
PINANG**

Program pada 4 Mac 2017 ini diadakan di Rumah Kanak-kanak Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang. Program ini diketuai oleh Puan Wan Anisha Wan Mohammad bertujuan untuk beramah mesra dan untuk menghiburkan kanak-kanak di Taman Bakti. Program yang dirasmikan oleh Tuan Rektor UiTM CPP, Prof Madya Dr Mohd Fozi bin Ali. Pelbagai aktiviti juga telah dijalankan bersama kanak-kanak Taman Bakti.



**PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR RUMAH KANAK-
KANAK TAMAN BAKTI KE UiTM CPP DENGAN KERJASAMA
JSKM**

Pada 21 Mac 2017, satu program lawatan sambil belajar Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas ke UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama JSKM telah diadakan. Program yang telah diketuai oleh Puan Wan Anisha Wan Mohammad ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak berkenaan dengan peluang pendidikan di peringkat pengajian tinggi serta pendedahan kehidupan di universiti.



PROGRAM JALAN-JALAN MASUK KAMPUNG BERSAMA NGO WARGAKILANG

17 Jun 2017, Program Jalan-Jalan Masuk Kampung Bersama NGO Warga Kilang telah dijalankan di Baling, Kedah dan Gerik, Perak. Program ini disertai oleh 23 pensyarah dan seorang pembantu makmal yang mewakili pelbagai fakulti dan jabatan. Turut serta adalah Tuan Rektor sendiri. Objektif program ini dijalankan adalah untuk menjalankan aktiviti khidmat masyarakat bersama Warga kilang, mendapatkan sumbangan untuk program khidmat masyarakat dan menyantuni asnaf diluar kawasan Pulau Pinang bersama Wargakilang. Semoga program ini dapat menarik lebih ramai staf untuk turut serta pada masa akan datang.



IHYA' RAMADHAN BERSAMA JSKM

Program Ihya' Ramadhan Bersama JSKM telah dijalankan pada 22 Jun 2017 bertempat di Bilik Perdana 1, Kompleks Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari ini bertujuan menyemarakkan semangat muhibbah antara staf JSKM UiTM CPP bersama pekerja-pekerja am yang beragama Islam khususnya. Program ini merupakan acara tahunan JSKM, dan ini merupakan tahun yang ke-4 sejak dilaksanakan pada tahun 2013 lagi. Program ini dihadiri lebih kurang 20 orang staf JSKM bersama 50 orang pekerja am / 'cleaners'. Majlis di mulakan dengan doa dan ucapan aluan.

Tuan Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berbesar hati merasmikan majlis diikuti dengan upacara penyampaian ucapan dan sumbangan ramadhan kepada para tetamu jemputan. Turut hadir, En. Khairul Hidayat Rezo, KPP dan Koordinator JSKM.

Majlis berakhir lancar dan sederhana. Diharapkan Program ini dapat membantu dan meringankan beban pekerja-pekerja am dan semoga program ini dapat diteruskan lagi untuk tahun-tahun yang akan datang. InsyaAllah.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT & SAMBUTAN HARI RAYA JSKM BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK JAYA, SEBERANG PERAI

Tanggal 17 Julai 2017, satu Program Khidmat Masyarakat dan Sambutan Majlis Hari Raya JSKM bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Jaya, Seberang Perai Utara telah diadakan bermula 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. Program ini telah diketuai oleh Puan Azlina Mohd Mydin. Objektif program ini dijalankan adalah untuk mengeratkan perhubungan antara staf JSKM bersama dengan guru dan juga pelajar pendidikan khas melalui program jamuan raya yang telah dianjurkan. Selain itu, ianya juga memupuk budaya keusahawanan melalui aktiviti penghasilan kraftangan dengan menggunakan modal yang rendah.



PROGRAM SCIENCES, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STeM) OUTREACH

Program Sciences, Technology & Mathematics (STeM) Outreach telah dijalankan pada 19 Ogos 2017 bertempat di Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini dijalankan pada jam 8.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari dianjurkan oleh Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) & Jabatan Sains Gunaan (JSG) dimana Puan Noor 'Aina Abdul Razak adalah selaku Penasihat Program. Seramai 152 pelajar Tingkatan 4 seluruh Pulau Pinang terlibat bersama sama dengan staf dari JSKM dan JSG. Pelbagai aktiviti permainan berkaitan sains, matematik dan komputer telah dijalankan bagi menggalakkan pelajar-pelajar memilih sains dan teknologi sebagai pilihan kerjaya. Selain itu, ceramah motivasi dan pameran sains oleh fakulti-fakulti seperti fakulti kejuruteraan awam, mekanikal, kimia, perhotelan, farmasi, sains kesihatan juga pameran dari pusat ilmu falak Pulau Pinang turut diadakan.



**PROGRAM MENCERIAKAN BILIK MULTIMEDIA 1, ARAS 3,
BLOK PERDANA, UiTM CPP**

Pada 19 Oktober 2017, Program Menceriakan Bilik Multimedia 1 di Aras 3, Blok Perdana UiTM CPP Kampus Permatang Pauh telah dijalankan. Program bermula seawal jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang ini diketuai oleh Encik Cheng Siak Peng. Objektif program ini adalah bertujuan menceriakan bilik multimedia 1 kerana bilik ini bukan sahaja dijadikan sebagai kelas pengajaran dan pembelajaran tetapi bilik ini juga dijadikan sebagai bilik multimedia utama dimana aktiviti-aktiviti jabatan dijalankan. Program ini melibatkan staf dari JSKM sendiri. Dengan persekitaran bilik yang lebih ceria ini diharapkan lebih memberi aura positif kepada pelajar dan pensyarah sepanjang sesi pembelajaran.



PERTANDINGAN PROGRAMMING 2017

Pada 18 Mei 2017, satu pertandingan Programming melibatkan pelajar-pelajar sarjana muda telah diadakan. Pertandingan ini telah dikelolakan oleh pensyarah-pensyarah bidang Komputer diketuai Encik Saiful Nizam Bin Warris selaku penasihat program.

Objektif utama ia dianjurkan adalah untuk memupuk minat pelajar terhadap pengaturcaraan komputer serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan ilmu pengaturcaraan komputer yang telah dipelajari di dalam kelas. Selain itu, pertandingan ini turut memberi pengalaman yang baru dan memberi peluang kepada pelajar berfikir secara kreatif dan kritis.

Pertandingan yang berlangsung selama empat jam bermula 8 pagi ini telah diadakan di Makmal Komputer 4, Aras 2, Kompleks Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Setelah penialaian dilakukan, pemenang diraikan dan dihadiahkan cenderahati oleh pihak penganjur.

Program seumpama ini sentiasa dianjurkan setiap tahun oleh pensyarah-pensyarah bidang Komputer bagi menarik minat pelajar dalam bidang pengaturcaraan. Usaha murni ini turut dapat mendedahkan pelajar kepada aplikasi-aplikasi dalam bidang pengaturcaraan.



LAWATAN AKADEMIK KE



Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) telah menganjurkan lawatan akademik ke Georgetown Heritage Chocolate pada 16 Oktober 2017. Objektif utama lawatan ini adalah untuk member pendedahan kepada staf mengenai sejarah penghasilan coklat dan cara-cara coklat dihasilkan. Di samping itu, ia dapat mendedahkan staf JSKM kepada bidang keusahawanan.

Selain itu, lawatan ini bertujuan bagi menghargai staf serta meningkatkan "happiness index" di kalangan staf setelah berusaha memenuhi semua tuntutan kerja tanpa mengira masa. Memandangkan lawatan ini jatuh dalam minggu cuti sekolah, staf juga digalakkan membawa ahli keluarga untuk sama-sama memeriahkan lawatan ini.

Puan Maisurah binti Shamsuddin serta ahli jawatankuasa yang lain telah menyusun aktiviti-aktiviti yang menarik pada hari tersebut. Rombongan bertolak dari UiTM pada pukul 9 pagi. Setibanya di Georgetown Heritage Chocolate, semua peserta telah dibawa melawat muzium coklat dan didedahkan dengan sejarah coklat dan proses penghasilan coklat.

Usai lawatan tersebut, semua staf bersama-sama menikmati makan tengah hari di arked Padang Kota Lama. Melalui program ini, hubungan silaturrahim di antara staf dapat dieratkan dan staf juga dapat merehatkan minda dari urusan kerja pada hari tersebut.

Happiness is a form of courage!

~george holbrook jackson~

BENGGKEL MANTAP MATEMATIK

Bagi mengukuhkan asas matematik para pelajar pra Sains, Bengkel Mantap Matematik telah diadakan pada kedua-dua semester iaitu pada 17 Februari 2017 dan 3 November 2017 bertempat di bilik-bilik kuliah di UiTM Pulau Pinang Kampus Bertam. Encik Mohd Syafiq bin Abdul Rahman selaku pengarah bengkel bersama-sama pensyarah-pensyarah yang terlibat mengajar Pra Sains telah meluangkan masa selama 2 jam bagi setiap sesi bengkel tersebut.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk membincangkan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah matematik dan menambahbaik pemahaman para pelajar berkenaan konsep asas matematik. Para pensyarah turut membantu pelajar mengenalpasti kelemahan mereka sekaligus membimbing pelajar dalam membuat latihan.

Soalan-soalan bagi topik-topik terpilih telah disediakan oleh pensyarah terlibat. Pelajar-pelajar menyelesaikan tugas yang diberi dengan bimbingan pensyarah-pensyarah. Kehadiran para pelajar pada kedua-dua sesi adalah amat baik serta kerjasama yang diberikan oleh mereka sepanjang bengkel amat memberangsangkan. Para pensyarah mengharapkan para pelajar pra diploma menghargai peluang yang diberikan seterusnya berusaha sehabis baik demi masa depan yang lebih cemerlang.

17 Februari 2017



3 November 2017



Lawatan Akademik ke Universiti Malaysia Perlis



Bagi memantapkan dan mengukuhkan sesuatu organisasi, lawatan penanda aras haruslah dilakukan. Ia bertujuan untuk berkongsi kepakaran serta memperoleh input-input berguna yang boleh dijadikan panduan dan rujukan. Secara tidak langsung, lawatan seperti ini dapat membina jaringan di antara universiti-universiti.

Hasil idea dan usaha yang telah dilakukan oleh Puan Sharifah Sarimah serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain, satu lawatan akademik telah diadakan ke Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) di UniMAP mempunyai fungsi yang sama seperti JSKM di UiTM CPP. Kedua-dua jabatan memberikan khidmat kepada fakulti-fakulti lain yang memerlukan khidmat pensyarah matematik untuk mengajar pelajar-pelajar dalam subjek-subjek yang berkaitan matematik.

Bersempena dengan cuti semester, tarikh 6 September 2017 telah dipilih. Staf JSKM seramai 35 orang telah menyertai lawatan ini. Bas bertolak dari UiTM CPP pada 7.30 pagi dan tiba di UniMAP pada 9 pagi. Staf JSKM telah disambut mesra oleh staf-staf IMK diketuai oleh Dekan IMK iaitu, Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad.

Majlis dimulakan dengan taklimat oleh Dekan IMK serta staf-staf beliau mengenai struktur organisasi dan pengurusan IMK. Seterusnya, Koordinator JSKM, Puan Muniroh Hamat turut memberikan taklimat ringkas mengenai JSKM. Kemudian, IMK dan JSKM telah bertukar-tukar pendapat mengenai pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi dalam bidang matematik dan statistik. Selain itu, bagi tujuan penambahbaikan, IMK dan JSKM turut berkongsi pengetahuan tentang akademik dan pengurusan jabatan. Hasil dari perbincangan, IMK dan JSKM turut bersetuju untuk membincangkan mengenai kolaborasi dalam penganjuran konferensi.



Sharing Session 2017

Penyelidikan dan inovasi merupakan elemen yang penting dalam kerjaya sebagai pensyarah. Seiringan dengan itu, staf-staf JSKM turut aktif dalam membentangkan hasil penyelidikan serta menyertai pertandingan-pertandingan inovasi. Selain itu, staf-staf JSKM turut digalakkan untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Unit latihan diketuai oleh Dr. Ahmad Zia telah mengambil inisiatif menganjurkan sesi "Sharing Session" bagi memberi ruang kepada staf-staf JSKM untuk berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan serta inovasi masing-masing.

Sesi perkongsian ini telah diadakan pada 8 Ogos 2017 bermula dari 9 pagi hingga 1 tengah hari dan bertempat di Bilik Perdana 1, Tingkat 2, Laman Perdana. Sebanyak 19 kertas kerja yang merangkumi tiga bahagian iaitu Inovasi, Motivasi PhD dan Kursus/Program telah dibentangkan.

Objektif utama sesi ini adalah untuk mewujudkan budaya perkongsian ilmu di kalangan staf JSKM selain menggalakkan dan member idea kepada staf-staf yang lain untuk membuat penyelidikan serta inovasi. Di samping itu, sesi ini juga dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan warga JSKM sendiri.



Program Riadah Staf JSKM

Mohd. Syafiq Abd. Rahman

Suasana di tepi Pantai Teluk Kumbar pada 22 April 2017 yang lalu sungguh meriah apabila staf-staf JSKM dari UiTM Cawangan Pulau Pinang berkumpul bagi memeriahkan Hari Keluarga JSKM 2017 pada petang itu. Para peserta bersama keluarga masing-masing mula berkumpul di Pantai Teluk Kumbar sekitar jam 2 petang.

Sementara menunggu acara bermula, mereka beramah mesra di kalangan ahli keluarga rakan sejawat yang sudah lama dan jarang berjumpa. Ikatan ukhwah antara ahli keluarga JSKM yang besar ini makin erat terjalin apabila sikap tolong-menolong diamalkan bagi menjayakan program pada petang itu. Syabas diucapkan kepada Cik Nur Azimah Idris selaku Pengerusi Program Hari Keluarga JSKM 2017.

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan dari Koordinator Program iaitu Puan Muniroh Hamat. Dalam ucapan beliau, beliau amat terharu dengan sokongan dan dedikasi yang diberikan oleh staf-staf JSKM terhadap program ini.

Tepat jam 2.30 petang, aktiviti sukaneka bermula. Pelbagai aktiviti yang disediakan oleh AJK Permainan yang diketuai oleh Puan Azlina Mydin yang cukup bertenaga dan penuh semangat bagi meraikan anak-anak staf JSKM. Tidak lupa juga, staf-staf JSKM sendiri yang cukup sporting turut menyertai acara sukaneka yang dipertandingkan. Bermacam-macam gelagat dapat dilihat pada petang itu.



■ Puan Muniroh Hamat

HARI KELUARGA DI TELUK KUMBAR





Setelah semua acara sukaneka dipertandingkan, jam menunjukkan 4.30 petang. Upacara penyampaian hadiah dijalankan. Para peserta masih sabar menunggu hingga ke akhir majlis sambil menjamah bahun goreng yang telah disediakan. Sebagai tanda peringatan, pertukaran hadiah sesama staf dijalankan sebelum semua bersurai dan bergerak ke tempat penginapan masing-masing.

Lexis Suites Penang telah dipilih sebagai tempat penginapan peserta. Masing-masing sungguh teruja untuk check-in di hotel yang bertaraf 5 bintang itu. Perjalanan dari Pantai Teluk Kumbar ke Lexis Suites Penang hanya mengambil masa 5 minit. Para peserta mula check-in pada pukul 5 petang dan aktiviti seterusnya adalah bebas.



Tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun juga yang tidak langsung dalam menjayakan program yang gilang gemilang ini. Semoga ikatan silaturahim di antara staf dan ahli keluarga JSKM ini dapat diertatkan melalui program-program seperti ini lagi di masa akan datang.



'Pertembungan' JSKM & JSG

DI DEWAN BADMINTON PESONA

Suatu perlawanan persahabatan telah dianjurkan diantara JSKM dan JSG di Dewan Badminton Pesona, Permatang Pauh pada 6 Jun 2017 yang lalu. Atas permintaan dan semangat kesukanan yang diberikan oleh staf JSKM, En Mohd Syafiq Abdul Rahman selaku Ketua Unit Sukan dan Rekreasi JSKM 2017 telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan perlawanan persahabatan tersebut.

Seramai 20 pemain iaitu 10 dari JSKM dan 10 dari JSG telah berentap di gelanggang tersebut pada pagi itu. Hanya permainan regu yang dipertandingkan iaitu 2 regu lelaki, 2 regu perempuan dan satu regu campuran.

Keputusan perlawanan telah menyebelahi Pasukan JSKM di mana JSKM telah memenangi 3 dari 5 perlawanan. Sungguh sengit perlawanan pada hari tersebut. Semua pemain telah menunjukkan semangat juang yang tinggi bagi mengharumkan nama jabatan masing-masing. Perlawanan tersebut turut dihadiri oleh kedua-dua Koordinator Program JSKM dan JSG iaitu Dr Muzaffar dan Puan Muniroh bagi memberi semangat kepada pemain-pemain yang telah bertungkus lumus.

Bukanlah hadiah hamper yang diperjuangkan. Namun, objektif sebenar perlawanan persahabatan adalah untuk mempertingkatkan serta mengekalkan kecergasan dan kesihatan di kalangan staf. Dan yang paling penting sekali ialah bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahim di kalangan staf JSKM dan JSG. Dua jabatan ini boleh dianggap seperti adik beradik kerana sering bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan.

Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh kedua-dua koordinator kepada pemenang-pemenang. Syabas diucapkan kepada semua pemain. Semoga semua staf JSKM akan turut menyertai pertandingan-pertandingan yang akan datang bagi menjaga kecerdasan dan kecergasan fizikal masing-masing dan terus sihat dalam menjalankan tugas sebagai seorang pensyarah.



PERTANDINGAN TENPIN BOLING TERTUTUP PIALA KOORDINATOR JSG & JSKM 2017



Tidak asing lagi pertandingan tenpin bowling di kalangan staf JSKM dan JSG. Pada 3 Ogos 2017 yang lepas, pasukan bowling JSKM telah menghantar wakil untuk bertanding di Pertandingan Tenpin Bowling Tertutup Piala Koordinator JSG & JSKM 2017 yang telah dianjurkan oleh Unit Sukan & Rekreasi JSG. MEGA Bowling Centre, Megamall Penang telah dipilih sebagai venue pertandingan kali ini.

Sesuai dengan venue bertaraf dunia, semangat yang ditunjukkan oleh para pemain juga harus diberi pujian. Pasukan JSKM menyarungkan pakaian berwarna biru manakala Pasukan JSG menyarung baju berwarna ungu.

Pertandingan dimulakan oleh Koordinator Program JSG sendiri iaitu Dr. Muzaffar dengan balingan yang begitu padu sekali sebagai tanda mula pada jam 9.30 pagi. Objektif pertandingan ini adalah untuk mempertingkatkan dan mengekalkan kecergasan serta kesihatan di kalangan staf. Selain itu, objektif yang kedua ialah untuk mengeratkan silaturahim antara staf JSKM dan JSG. Oleh itu, pemilihan regu adalah berdasarkan cabutan undi dimana dalam setiap regu akan terdiri daripada satu staf JSKM dan satu staf JSG.

Pemenang membawa pulang hadiah berupa piala, sijil, hamper dan tudung bawal yang ditaja oleh Aidijuma. Bagi meraikan para penyokong yang dihadiri oleh staf-staf JSG dan JSKM, cabutan bertuah juga turut diadakan.

Sebelum bersurai, sesi fotografi bersama pemain diadakan. Majlis berakhir pada jam 12 tengah hari. Senyum jelas kelihatan di wajah para pemain dan penonton yang datang pada hari tersebut. Semoga aktiviti yang menggabungkan dua jabatan ini dapat terus diadakan lagi di masa akan datang.

Program Pembangunan & Kepimpinan Staf

Norshuhada Samsudin

PROGRAM PENGUKUHAN BERPASUKAN JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK, UTM CAWANGAN PULAU PINANG.



Pada 24 Ogos 2017 yang lalu, Jabatan Sains Komputer dan Matematik UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan program “Team Building” yang melibatkan seramai 40 Orang staf JSKM. Program ini diadakan di UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh dan Kawasan-kawasan sekitar Seberang Perai Tengah. Pengarah program, Puan Wan Anisha Wan Mohammad telah melantik beberapa orang ahli jawatankuasa untuk menguruskan aktiviti sepanjang program ini dijalankan. Staf dibahagikan kepada beberapa buah kumpulan dan perlu menyelesaikan semua aktiviti yang telah dirancang oleh pihak jawatankuasa program. Pemenang telah dipilih berdasarkan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pihak juri.



Melalui program ini, ia dapat mendedahkan staf kepada latihan yang dapat membentuk kerjasama dalam pasukan serta dapat mengukuhkan daya kepimpinan dan keusahawanan di kalangan staf. Program seperti ini juga penting kerana ia dapat memupuk semangat setia kawan di kalangan staf. Diharap, program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.

TADARUS AL-QURAN DAN TAZKIRAH RAMADHAN BERSEMPENA RAMADHAN AL-MUBARAK

Jabatan Sains Komputer dan Matematik juga telah menganjurkan Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadhan Al-Mubarak yang lalu bermula pada 30 Mei 2017 sehingga 21 Jun 2017. Program ini diadakan setiap hari bermula pukul 12.30 tengahari dan berakhir kira-kira jam 2.00 petang yang bertempat di Bilik Mesyuarat JSKM, tingkat 3, Kompleks Perdana. Penasihat bagi program ini adalah Puan Siti Balqis Mahlan. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memperbaiki mutu bacaan Al-Quran di kalangan staf JSKM. Ia juga dapat mengeratkan silaturrahim dikalangan staf wanita. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan suasana gembira melaksanakan amal ibadah di bulan Ramadhan yang mulia. Staf juga dapat menimba ilmu pengetahuan yang boleh dipraktikkan pada masa akan datang.

Selain itu, tazkirah Ramadhan juga telah diadakan pada 9 Jun 2017. Pihak ahli jawatankuasa telah menjemput Ustazah Che Haslina untuk menyampaikan serba sedikit ilmu yang berkaitan dengan amalan di bulan Ramadhan. Melalui tazkirah ini, staf JSKM dapat mengukuhkan ilmu pengetahuan yang sedia ada dan ianya amat berguna untuk diamalkan. Semoga usaha murni ini mendapat rahmat dan pahala yang berlipatganda oleh Allah swt, InsyaAllah.



Kalender Aktiviti Jabatan 2018

JANUARI 2018

- ❖ Bengkel Perancangan Startegik

FEBRUARI 2018

- ❖ Misi Akademik

MAR 2018

- ❖ Bengkel MAT235, MAT183 & MAT133
- ❖ Bridging Program
- ❖ Program Mentor-Mentee

APRIL 2018

- ❖ Course Teaching Experience Sharing Session (CTESS)
- ❖ Bengkel MAT480
- ❖ Bengkel Basic Mathematics

MEI 2018

- ❖ Bengkel Mathematical Thinking
- ❖ STEM Outreach
- ❖ Tadarus AlQuran

JUN 2018

- ❖ Jamuan Raya JSKM
- ❖ Jamuan Raya UiTM Cawangan Pulau Pinang

JULAI 2018

- ❖ Sharing Session I
- ❖ Jamuan Persaraan Cik Faridah Hussin

OGOS 2018

- ❖ Family Day JSKM 2018
- ❖ Program Sebuah Kamus Seribu Makna

SEPTEMBER 2018

- ❖ Forum bebas kanser
- ❖ Klinik UPSR BH Didik FASA 1 & FASA 2

OKTOBER 2018

- ❖ Bengkel MAT455
- ❖ Bengkel MAT480
- ❖ Sharing Session II
- ❖ Paddy Field Walk

NOVEMBER 2018

- ❖ Bengkel SPSS
- ❖ Bengkel Blended Learning e-Content (BLEC)

DISEMBER 2018

- ❖ Programming Day
- ❖ Multimedia Day

*Terima Kasih kepada semua staf
JSKM yang telah berkerjasama
menyumbang artikel & laporan.
InsyaAllah sehingga bertemu
dalam Buletin JSKM Keluaran 3,
Edisi 2018.*

**Disediakan Oleh:
Unit Penerbitan dan Publisiti
Jabatan Sains Komputer dan
Matematik ,JSKM
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang.**

Keluaran 2, Edisi 2017

eISSN 2637-0077

